

Elakkan diri daripada menjadi mangsa

Oleh Faizatul Farhana
Farush Khan
ffarhana@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Bagi membincangkan isu panahan petir, punca dan kaedah mengatasi keadaan itu, Minda mendapatkan Ketua Pusat Kajian Elektromagnetik dan Perlindungan Petir (CELP), Jabatan Kejuruteraan Elektrikal dan Elektronik Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Chandima Gomes.

Mengulas isu berkenaan, Dr Chandima berkata, seseorang berisiko tinggi dipanah petir ketika berada di dalam beberapa keadaan atau tempat terbuka, selain kawasan tinggi.

Risiko itu juga boleh 'menyering' individu berada di tempat perlindungan yang mempunyai bumbung besi tidak dibumikan, sekali gus mampu menyebabkan kematian.

Hindari tempat terbuka

"Ketika petir, elakkan berada di tempat terbuka, seperti padang permainan, tebing sungai, pantai, gunung, atas bumbung, kawasan pertanian, tapak pembinaan dan

Kronologi Kes Pelajar Dipanah Petir di Malaysia

- Pelajar Tingkatan Satu Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Ayer Paabas, Alor Gajah, Johan Jasmin, 13, rebah dan tidak sedarkan diri akibat dipanah petir ketika berjalan pulang ke asrama selepas dia bersama-sama 200 pelajar beriadah di padang sekolah.
- Seramai 15 orang pelajar di Melaka terkena petir pada 8 April 2012 semasa mengikuti perkhemahan Persatuan Kadet Bersatu Malaysia (PKBM), ketika berada di dalam khemah dan berbaring di atas katil besi.
- Pada Januari tahun 2012, seorang pelajar tahun lima, Muhammad Syafiq Mohd Tajul Ariffin, 11, maut, manakala tiga orang rakan dan seorang guru cedera dalam tragedi panahan petir di padang Sekolah Kebangsaan (SK) Maziun, Kuala Kangsar, selepas menjalani latihan memanah.
- Keseronokan sekumpulan pelajar Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) bermain bola sepak di padang bola Stadium KUIM, Kuala Sungai Baru

peranti terbuka.

"Jangan berlindung di bawah pokok, berhampiran objek tinggi (tiang bendera, menara dan tiang besi) dan kawasan air terbuka (kolam renang, sungai dan tasik).

"Elakkan juga penggunaan telefon, membaiki talian elektrik, menyentuh barangan besi (pagar) dan bekerja di lokasi berketinggian tinggi (kren, bangunan dalam pembinaan dan menara)," katanya yang juga

bertukar detik hitam apabila seorang daripada mereka, Ridhwan Jamal, 20, meninggal dunia dan sembilan orang yang lain tercampak akibat dipanah petir.

- Seorang pelajar terbunuh dan rakannya cedera selepas kedua-dua mereka yang berusia 16 tahun dipanah petir ketika menunggu bas di bawah pokok untuk pulang, selepas bermain bola di Padang A Universiti Putra Malaysia (UPM).
- Kejadian panahan petir yang mengakibatkan dua sepupu berusia lapan dan sembilan tahun meninggal dunia ketika membantu bapa salah seorang daripada mereka menangkap lembu dan kerbau, di Kampung Felda Cadur, Marang.
- Dalam satu kejadian panahan petir di Taman Desa Bakti, Jalan Kampung Banjar, Telur Intan, seorang pelajar, Mohd Amir Alias, 15 meninggal dunia, manakala dua rakannya yang masing-masing berumur 16 dan 14 tahun cedera.

Profesor Kejuruteraan Elektrikal UPM.

Dr Chandima berkata, semasa petir, seseorang perlu segera mendapatkan perlindungan di dalam bangunan besar (rumah atau pejabat) dan struktur yang dibina sepenuhnya melalui besi (kereta, bas, lori atau kereta api).

"Jarakkan diri sekurang-kurangnya dua meter daripada dinding jika berada di dalam bangunan yang kurang selamat dan sekiranya anda 'terperangkap' di kawasan terbuka ketika petir, rapatkan kedua-dua kaki serta turunkan kedudukan badan.

"Petir cukup bahaya kerana mempunyai nilai kuasa hingga 30,000 Ampere, berbanding peti sejuk yang hanya 10 Ampere, manakala suhu petir adalah sekitar 40,000 °C, jauh lebih tinggi daripada kepanasan permukaan Matahari iaitu 6,000 °C," katanya.

BIODATA

- Petir ialah gejala alam yang biasanya muncul pada musim hujan, diikuti kilatan cahaya dan bunyi kuat di langit.
- Setiap tahun, dianggarkan hampir 1.4 bilion petir berlaku.
- Ketakutan terhadap petir dikenali Astrafobia.
- Memiliki nilai kuasa hingga 30,000 Ampere, berbanding peti sejuk yang hanya 10 Ampere, manakala suhu petir adalah sekitar 40,000 °C, jauh lebih tinggi daripada kepanasan permukaan Matahari, iaitu 6,000 °C.